

**BAB
SATU**

BAB SATU

LATARBELAKANG KEHIDUPAN AL-IMĀM AL-GHAZĀLĪ

Pendahuluan

Memandangkan kajian ini memberi tumpuan khusus kepada al-Imām al-Ghazālī sebagai subjek kajian dengan mengkhususkan penyelidikan dari sudut pemikiran ekonomi yang dicetuskannya dalam kitab *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn*, maka dalam bab pertama ini akan diulas secara terperinci latarbelakang kehidupan al-Imām al-Ghazālī dari pelbagai aspek.

Ini bagi membolehkan keperibadian al-Imām al-Ghazālī dikenali dengan lebih mendalam, yang mana aspek ini turut mempunyai kaitan dan kesan kepada corak pemikiran yang dikemukakan beliau termasuk dalam bidang ekonomi.

1.1. Latarbelakang keluarga

Nama sebenar al-Imām al-Ghazālī ialah Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad al-Ghazālī¹. Beliau dilahirkan dalam tahun

450H bersamaan 1058M, di Ghazālāh sebuah kampung di pinggir kota kecil bernama Ṭūs di wilayah Khurāsān² yang terletak kira-kira sepuluh batu dari Naysābūr Parsi³ di bahagian utara Iran.

Terdapat perbezaan dari segi gelaran yang diberikan kepada al-Imām al-Ghazālī, yang mana sesetengah golongan menggunakan gelaran "al-Ghazālī" manakala sebahagiannya menyebut "al-Ghazzālī". Perbezaan ini timbul disebabkan mereka yang merujuk gelaran tersebut kepada nama kampung kelahiran al-Imām al-Ghazālī iaitu di Ghazālāh dan juga berdasarkan kepada pekerjaan ayahnya sebagai tukang pintal benang atau '*Ghazzāl*'⁴. Walau bagaimanapun penggunaan "al-Ghazālī" lebih meluas berbanding "al-Ghazzālī".

Ayah al-Imām al-Ghazālī adalah seorang yang berbangsa Parsi bekerja sebagai pembuat pakaian dari benang bulu (*ghazzal*) dan menjual pakaian tersebut di Pekan Ṭūs. Beliau seorang yang baik, sentiasa merendah diri serta seorang sufi yang tidak memakan selain hasil kerja sendiri kerana beliau takut kepada balasan buruk daripada Allah s.w.t⁵.

Ayahnya amat meminati ilmu pengetahuan dan menghormati orang-orang alim. Beliau sering mengalirkan air mata apabila mendengar

huraian daripada ulama dalam pengajian agama dan berdoa agar dikurniakan anak yang berguna dan alim⁶.

Selain al-Imām al-Ghazālī, beliau juga mempunyai seorang lagi anak lelaki bernama Aḥmad⁷. Beliau bercita-cita agar kedua-dua anaknya itu menjadi orang yang berilmu pengetahuan yang luas.

Beliau telah meninggal dunia semasa anak-anaknya masih kecil. Sebelum meninggal dunia beliau sempat menyerahkan kedua-dua anaknya itu kepada sahabatnya yang rapat yang juga seorang ahli tasauf yang miskin untuk mendapatkan asuhan dan bimbingan yang baik darinya. Lelaki tersebut telah mengajar mereka dengan ilmu khat dan juga ilmu pengetahuan.

Al-Imām al-Ghazālī telah berkahwin dalam usianya hampir 20 tahun dan dikurniakan empat orang anak dan salah seorang daripadanya lelaki tetapi meninggal dunia ketika kecil. Al-Imām al-Ghazālī digelar Abū Ḥāmid sempena nama anak lelakinya yang meninggal pada masa kecil tersebut⁸.

1.2. Latarbelakang Akademik

1.2.1. Pendidikan

Al-Imām al-Ghazālī telah berjaya mencapai tingkat keilmuan yang tinggi hasil daripada pendidikan yang diterima beliau sama ada secara formal ataupun informal. Beliau mula didedahkan dengan pendidikan awal di bawah seliaan seorang ahli sufi yang juga merupakan kenalan kepada bapanya. Melalui ahli sufi ini beliau mendalami ilmu al-Qur'ān, adat kebudayaan dan sebagainya⁹.

Pendidikan awal al-Imām al-Ghazālī bermula di Ṭūs iaitu kampung kelahirannya sendiri dengan seorang guru bernama al-Shaykh Aḥmad al-Razkanī¹⁰. Melalui guru ini al-Imām al-Ghazālī telah belajar membaca dan menulis, menghafal al-Qur'ān, Nahu, Bahasa Arab, Ilmu Hisab dan Fiqh¹¹.

Ketika berusia lima belas tahun iaitu pada 465H. beliau telah berpindah ke Jurjān. Semasa di Jurjān al-Imām al-Ghazālī telah berguru dengan al-Shaykh Ismā'īl Ibn Sa'ādah al-Ismā'īl Ibn al-Imām Ibn Bakr Aḥmad Ibn Ibrāhīm al-Ismā'īl al-Jurjānī¹² Semasa berada di Jurjān juga beliau sempat berguru dengan Yūsuf al-Nassāj dalam bidang tasauf¹³.

Setelah lima tahun belajar di sana, pada 470H. beliau telah pulang ke kampungnya dan tinggal di kampungnya selama tiga tahun.

Bagi melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, ketika berusia 23 tahun iaitu pada tahun 473H. al-Imām al-Ghazālī telah berpindah ke Naysābūr yang terletak kira-kira lima puluh batu dari Tūs tempat kelahirannya.¹⁴ Pada ketika itu Naysābūr merupakan tempat yang paling tinggi dari segi sistem pendidikan formal di Timur dengan kemudahan yang istimewa serta terdapatnya tokoh-tokoh akademik yang terkenal. Di sini juga terdapat Madrasah al-Bakhīthah yang merupakan salah sebuah institusi pendidikan Islam yang terawal di dunia.¹⁵

Di Naysābūr al-Imām al-Ghazālī telah menuntut ilmu dengan seorang alim bernama Diyā' al-Dīn Abī al-Ma'ālī al-Juwaynī yang dikenali sebagai al-Imām al-Ḥaramayn (M 478H)¹⁶. Al-Imām al-Ḥaramayn yang pada ketika itu merupakan Pengetua Sekolah al-Nizāmiyyah merupakan seorang tokoh ilmuan yang sangat mashyur dan terkenal dengan keluasan ilmu pengetahuannya.

Al-Imām al-Ghazālī mengambil kesempatan ini untuk mendampingi serta menimba ilmu sehinggalah kematian imam ini pada tahun 1085¹⁷. Dikatakan bahawa al-Imām al-Ḥaramayn ini telah

meninggalkan banyak karya terkemuka dan empat ratus 'ulama' telah berguru kepada beliau¹⁸.

Melalui guru ini al-Imām al-Ghazālī telah mempelajari berbagai-bagai ilmu pengetahuan seperti ilmu mantik, falsafah dan fiqh Mazhab Syāfi'ī¹⁹. Al-Imām al-Ḥaramayn merupakan guru yang memperkenalkan al-Imām al-Ghazālī kepada ilmu logik dan falsafah²⁰.

Sepanjang proses pendidikan al-Imām al-Ghazālī bermula di wilayah kelahirannya di Tūs kemudian berhijrah ke Jurjān dan Naysābūr beliau telah mengikuti kurikulum pendidikan tinggi Islam secara yang sistematik dan standard²¹ sehingga mampu menampilkan beliau sebagai seorang tokoh ilmuan Islam yang ulung pada zamannya sehingga ke hari ini.

1.2.2. Penglibatan dalam bidang Akademik

Setelah kewafatan al-Juwayni, al-Imām al-Ghazālī telah berpindah ke Mu'askar bagi menemui seorang menteri kerajaan dari Dinasti Saljūq di Turki bernama Nizām al-Mulk (memerintah 1063 – 1092). Beliau telah mendapat sambutan yang baik daripada menteri tersebut dan para alim

ulama serta mendapat pengiktirafan sebagai ulama besar²² walaupun ketika itu baru berusia dua puluh tujuh tahun²³.

Menteri Nizām al-Mulk telah melantik beliau sebagai pensyarah di Institut Pengajian Tinggi Nizāmiyyah pada 484H. di Baghdad. Institusi ini merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang terawal ditubuhkan di Timur seperti juga Madrasah al-Bakhīthah di Naysābūr²⁴. Di institusi ini beliau telah mula mengukir nama sebagai tokoh ilmuan yang akhirnya menjadi masyhur kerana keilmuannya serta kepetahannya berhujah menegakkan kebenaran. Al-Imām al-Ghazālī telah mengajar di sana selama 4 tahun. Sepanjang berada di Baghdad juga al-Imām al-Ghazālī telah menulis buku-buku dalam ilmu Usūl al-Fiqh²⁵.

Dalam tahun 488H. al-Imām al-Ghazālī meninggalkan jawatan sebagai pensyarah di Baghdad untuk berpindah ke Syam. Tindakan beliau ini didorong oleh keinginan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dengan menumpukan pengajiannya kepada ilmu-ilmu tasawuf. Beliau cuba untuk meninggalkan segala bentuk kemewahan dan penghormatan yang diperolehinya ketika menjadi Pengetua di Institut Pengajian Tinggi Nizāmiyyah kerana takut dirinya dikuasai perasaan bangga diri atau ria²⁶.

Antara tahun 488H. hingga 490H. al-Imām al-Ghazālī telah menetap di Syam, Baitul Maqdis dan Damsyik²⁷. Semasa di Syam beliau telah mula mengarang bukunya yang terkenal iaitu *Iḥyāʾ Ulūm al-Dīn*. Al-Imām al-Ghazālī memilih Syam sebagai tempat untuk mengarang bukunya ini kerana negara ini terkenal di timur dan barat sebagai sebuah pusat pengumpulan ilmu pengetahuan²⁸.

Pada 490H. al-Imām al-Ghazālī sekali lagi kembali ke Baghdad untuk mengajar semula di sana tetapi telah kembali semula ke kampung asalnya di Ṭūs pada 493H. dan tinggal di sana selama enam tahun²⁹.

Pada 499H. anak Nizām al-Mulk yang menjadi wakil pemerintahan Kerajaan Saljūq di Khurāsān telah meminta al-Imām al-Ghazālī untuk kembali kepada kerjanya sebagai pensyarah. Atas pelawaan tersebut al-Imām al-Ghazālī sekali lagi berhijrah ke Naysābūr dan mengajar kembali di Institut Pengajian Tinggi Nizāmiyyah. Ketika berada di sana beliau telah mengarang sebuah lagi karyanya yang masyhur iaitu kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*³⁰.

Empat tahun kemudian al-Imām al-Ghazālī kembali semula ke Ṭūs dan mengasaskan sebuah madrasah bagi ahli-ahli Fiqh dan sebuah pondok bagi kaum sufi berhampiran rumahnya³¹.

Dua tahun kemudian, pada hari Isnin 14 Jumādā al-Akhīrah 505H.³² bersamaan bulan Disember 1111M.³³ di Ṭūs al-Imām al-Ghazālī telah wafat dan dikebumikan di Makam al-Ṭabarān berhampiran makam penyair Parsi yang masyhur bernama al-Fandalūsī³⁴.

1.2.3. Penulisan Akademik

Al-Imām al-Ghazālī memiliki keistimewaan dan kelebihan yang dikurniakan kepadanya sehingga mampu menghasilkan karya-karya yang bermutu dan kekal sehingga sekarang. Beliau merupakan seorang pengarang dan penulis yang kaya dengan ide dan mampu menghasilkan penulisan yang sangat baik dan bermanfaat untuk dijadikan bahan rujukan serta digunakan untuk mendalami ilmu pengetahuan, bukan sahaja untuk individu muslim malah pelbagai golongan dan pegangan agama³⁵.

Perkara ini dapat dilihat melalui usaha-usaha mengumpul serta mengesan kembali hasil tulisan al-Imām al-Ghazālī yang amat banyak bilangannya. Usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan kerana terdapat beberapa masalah yang dihadapi bagi mencapai tujuan tersebut. Masalah ini timbul kerana beliau merupakan seorang penulis

yang menguasai berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan seperti falsafah, fiqh, tasawuf dan sebagainya. Malah ada yang mendakwa bahawa al-Imām al-Ghazālī juga terlibat dalam penulisan di bidang ilmu sihir dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya³⁶. Tetapi dakwaan ini tidak berasas, kerana apa yang jelas al-Imām al-Ghazālī tidak mungkin menulis buku seumpama itu kerana bakat pemikiran dan daya mentalitinya yang ada tidak memungkinkan beliau terlibat dalam penghasilan karya seumpama itu³⁷. Pendapat ini disokong oleh Ibn Khaldūn³⁸ yang menyatakan jika sekiranya wujud karya seumpama itu, namun ia tidak menjejaskan kedudukan al-Imām al-Ghazālī kerana masih terdapat banyak buku yang dihasilkannya dalam bidang agama, falsafah dan tasawuf.

Al-Imām al-Ghazālī selain daripada menulis buku-buku berbentuk ilmiah, ia juga terlibat dalam penulisan bercorak umum iaitu buku-buku yang ditulis untuk masyarakat awam yang tidak mendapat peluang terlibat dalam pendidikan tinggi dan pengajian akademik. Hasil karya bentuk ini diolah dalam bahasa yang mudah difahami berkaitan perkara-perkara agama dan akhlak. Antara karya corak penulisan seperti ini ialah *al-Durrah al-Fikriyyah*, *Bidāyat al-Hidāyat* dan *Minhāj al-`Ābidīn*³⁹.

Kemampuan al-Imām al-Ghazālī menghasilkan karya-karya bermutu ini didorong oleh pegangan serta prinsip hidupnya yang amat

menentang perbuatan taklid, yang mana ia merupakan punca dan halangan utama terhadap usaha menghasilkan karya ilmiah serta menghalang usaha mencari hakikat kebenaran⁴⁰. Oleh kerana itu semua hasil penulisan adalah untuk individu yang mempunyai kemampuan daya pemikiran yang bebas, yang dianggap oleh al-Imām al-Ghazālī sebagai syarat asasi kepada setiap kerja ilmiah.

Al-Imām al-Ghazālī turut terlibat dalam penulisan di bidang falsafah bermula ketika beliau menjadi pensyarah di Universiti Nizāmiyyah Baghdad iaitu pada tahun 484H., apabila beliau telah berjaya mempelajari dan menguasai bidang falsafah⁴¹.

Karya sulung dalam bidang ini ialah *Maqāṣid al-Falāsifah* yang menghuraikan ajaran ahli-ahli falsafah Arab Aristotalisme pada zamannya. Huraian yang dikemukakan oleh beliau adalah secara bebas dan natural tanpa memihak kepada sesuatu aliran atau teori tertentu⁴².

Lanjutan daripada buku tersebut ialah kitab *Tahāfut al-Falāsifah* yang berbentuk kritikan al-Imām al-Ghazālī kepada ahli falsafah. Ia membincangkan pendapat-pendapat ahli falsafah dan dijelaskan juga tentang percanggahan pendapat di kalangan mereka terutama dalam 20 masalah yang berkaitan dengan ketuhanan dan masalah semulajadi⁴³.

Selepas *Tahāfut al-Falāsifah* ini lahir pula kitab *Mīyār al-ʿIlm* yang mengandungi pembentangan berkaitan ilmu logik. Di samping itu, buku ini juga ditulis bagi memudahkan pembaca memahami masalah falsafah yang dikemukakan oleh al-Imām al-Ghazālī dalam buku *Tahāfut al-Falāsifah*⁴⁴.

Dalam bidang ini juga al-Imam al-Ghazali menghasilkan buku *Mihāk al-Nazar fi al-Mantiq* dan *al-Qistās al-Mustaqīm* yang ditulis dalam bentuk perbualan antara beliau dengan salah seorang penganut al-Bāṭiniyyah. Dalam buku ini beliau telah membentangkan ilmu logik dengan cara yang mudah, sesuai dengan tahap pemikiran penganut tersebut⁴⁵.

Dalam kitab *Maʿārij al-Quds*, al-Imām al-Ghazālī telah membincangkan masalah yang berhubung dengan Allah s.w.t. dan diri. Beliau juga membentangkan teori berkaitan dengan diri ini dalam *Mishkāṭ al-Anwār*⁴⁶. Selanjutnya buku *al-Munqidh min al-Ḍalāl* pula mempunyai keistimewaan khusus kerana ia membentangkan tentang metode falsafah al-Imām al-Ghazālī⁴⁷.

Semasa al-Imām al-Ghazālī tinggal di Baghdad, antara 484H. (1091M.) hingga 488H. (1095M.), beliau telah menghasilkan kitab-kitab seperti *al-Wajīz*, *Maqāṣid al-Falāsifah* yang diedit semula oleh Sulaymān Dunyā pada tahun 1961, *Tahāfut al-Falāsifah* yang diedit oleh M.Bouyges pada tahun 1927, *Mi'yār al-'Ilm*, *Mihāk al-Nazar fi al-Manṭiq* diedit oleh Nasānī, *Faḍā'il al-Bāṭiniyyah wa Faḍā'il al-Mustaẓhiriyyah*, *Mizān al-'Amal dan al-Iqtisad fi al-'Itiqād*⁴⁸.

Al-Imām al-Ghazālī juga telah menghasilkan penulisan ketika ia berada dalam tempoh mengasingkan diri untuk menghayati kehidupan sebagai seorang sufi⁴⁹. Dalam tempoh tersebut, termasuk juga ketika ia berada di Ṭūs antara 468H. (1095M.) hingga 499H. (1106M.) al-Imām al-Ghazālī telah menulis karyanya yang termasyhur iaitu kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*⁵⁰. Huraian lanjut berkaitan kitab ini akan dibincangkan pada bab seterusnya.

Al-Imām al-Ghazālī juga telah menulis kitab *al-Maqṣad al-Asnā wa Sharḥ Asmā' Allāh al-Ḥusnā*, *Ẓawāhir al-Qur'ān*, *al-Arbai'in fi Usūl al-Dīn*, *al-Qisṭās al-Mustaqīm*, *Fīṣāl al-Tafriqah bayna al-Islām wa al-Zandaqat* dan *Miskāt al-Anwār*⁵¹.

Ketika al-Imām al-Ghazālī berada di Naysābūr dan Ṭūs pada 499H. (1106M.) hingga 505H. (1111M.) sebelum beliau meninggal dunia, beberapa karya telah dihasilkan iaitu *al-Munqidh min al-Ḍalāl*, *al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Usūl*, *al-Imlā’ fi Ishkālāt al-Iḥyā’*, dan *Ijam al-‘Awwām ‘an ‘Ilm al-Kalām*⁵².

1.3. Latarbelakang politik.

1.3.1. Kuasa Pemerintahan & Politik

Bagi memahami arah aliran pemikiran al-Imām al-Ghazālī maka perlu juga dilihat dari sudut suasana politik dan arah aliran pemikiran yang terdapat pada zamannya. Ini kerana kedua-dua elemen ini turut mempengaruhi corak pemikiran dan pandangan yang dipegang oleh al-Imām al-Ghazālī.

Al-Imām al-Ghazālī hidup sekitar tahun 450H. hingga 505H. merupakan peringkat akhir pemerintahan Banī ‘Abbās (132H. hingga 656H.) iaitu kira-kira 151 tahun sahaja sebelum kejatuhan pemerintahan ‘Abbāsiah ke tangan kuasa Tartar (Moghul). Pemerintahan ‘Abbāsiah adalah zaman pemeritahan Islam yang menggunakan Bahasa Arab, ciri dan bentuk budayanya ialah Parsi dan pemikirannya pula bersifat pelbagai kerana pengaruh aliran pemikiran dunia secara menyeluruh⁵³.

Al-Imām al-Ghazālī hidup di zaman pemerintahan `Abbāsiah yang diperintah oleh al-Kaim Bi Amrillah (meninggal 467H.), al-Muktadi Billah (meninggal 487H.) dan al-Mustazhari Billah (meninggal 512H.). Walau bagaimanapun khalifah-khalifah `Abbāsiah pada masa itu tidak mempunyai kuasa pemerintahan kecuali namanya sahaja diucapkan di mimbar Jumaat dan diabadikan dalam matawang yang digunakan. Kuasa sebenar adalah dijalankan oleh Sultan dari keturunan Turki Saljuq⁵⁴ dan pemerintah yang sezaman dengan al-Imām al-Ghazālī dari keturunan ini ialah Taghalbik (meninggal 455H.), Adduda al-Daulah Ibn Arsalan (meninggal 465H.), Jalāl al-Dīn Malik Syah (meninggal 485H.), Nāsir al-Dīn Mahmod (meninggal 487H.), Rukn al-Dīn Abū al-Mudzaḥḥār Bar Kiaruk (meninggal 498H.), Rukn al-Dīn Malik Syah II (meninggal 498H.) dan Muḥammad Malik Syah (meninggal 511H.)⁵⁵.

Al-Imām al-Ghazālī telah berada di zaman berlakunya pergolakan politik dengan kuasa orang Arab terancam di Baghdad, pemberontakan berlaku di Andalus dan kebangkitan golongan paderi Kristian menentang umat Islam di sebelah timur sehingga tercetus peperangan Salib⁵⁶.

Pada masa yang sama umat Islam telah berpecah kepada berbagai-bagai kumpulan berpunca daripada aliran pemikiran agama dan politik yang berbeza. Pemikiran akidah aliran al-Ash`āri yang disokong oleh Saljuq menentang aliran al-Mu`tazilah, di samping penentangan

antara pemikiran agama dan politik antara al-Sunni dan al-Shi'i turut merosakkan perpaduan di kalangan umat Islam⁵⁷.

Dua tahun sebelum kelahiran al-Imām al-Ghazālī iaitu pada 447H, telah berlaku pemberontakan yang dicetus oleh Banī Buwayh pimpinan Abī al-Hārith al-Basāsiri yang berusaha menggulingkan Khalifah `Abbāsiah di Baghdad. Pertentangan antara Khalifah `Abbāsiah dan Banī Buwayh ini bukan sekadar pertentangan yang dicetuskan berasaskan kepentingan politik semata-mata tetapi ia merupakan pertentangan antara pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan al-Shi'ah. Pertentangan kepentingan politik dan aliran pemikiran ini telah memberi ruang kepada paderi-paderi Kristian di Eropah untuk memerangi Islam yang membawa kepada tercetusnya peperangan Salib. Inilah merupakan dua masalah utama yang dihadapi oleh al-Imām al-Ghazālī dalam bidang politik dan beliau telah memberi sumbangan yang besar dengan berjihad menegakkan semula kebenaran berfikir, keadilan politik dan sosial⁵⁸.

1.3.2. Aliran Pemikiran

Aliran pemikiran yang tersebar luas pada zaman al-Imām al-Ghazālī ialah pemikiran yang dibawa oleh pergerakan Bāṭiniyyah yang merupakan gerakan Shi'ah Ismā'īliyyah sempena al-Imām yang ketujuh, Ismā'īl Ibn Ja'fār al-Siddīq (meninggal 143H.)⁵⁹.

Dalam menghadapi perkembangan pemikiran Bāṭiniyyah dan pergerakannya al-Imām al-Ghazālī telah melahirkan penentangannya melalui sokongan dan kerjasama beliau kepada Khalifah `Abbāsiah, Sultan dan Wazir dari kalangan Banī Saljūq. Al-Imām al-Ghazālī melahirkan penolakan dan tentangan melalui ucapan, pengajaran dan tulisannya. Penglibatannya bertugas di Madrasah Nizāmiyyah Baghdad bertujuan menyalurkan perkembangan pemikiran Islam dari pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah dan diharap dapat melemahkan dan menghapuskan perkembangan pemikiran Shi`ah dan unsur-unsur Bāṭiniyyah yang bercanggah dengan Islam. Walaupun beliau juga berketurunan Parsi yang kebanyakannya menjadi pengikut kepada gerakan Bāṭiniyyah ini, namun beliau tetapi berpegang teguh kepada fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah⁶⁰.

Sebahagian besar daripada pandangan dan penolakan al-Imām al-Ghazālī terhadap Bāṭiniyyah ini diabadikan dalam kitabnya yang ditulis atas arahan Khalifah al-Mustazhari bernama *Faḍā'ih al-Bāṭiniyyah* dan dikenali juga *al-Mustazhariah*. Dalam kitab ini beliau menjelaskan hakikat Bāṭiniyyah sebagai satu aliran pemikiran dan pergerakan yang mengambil Shi`ah sebagai tapak pergerakannya. Dihuraikan juga beberapa pemikiran yang bercanggah dengan kehendak Islam

melibatkan aspek ketuhanan, kenabian, kepimpinan dan persoalan kebangkitan semula⁶¹.

Penolakan dan tentangannya terhadap Bāṭiniyyah yang dinaungi oleh Fāṭimiyyah dan golongan Shī'ah menyebabkan wujud perasaan takut dan bimbang terhadap ancaman berbahaya dari gerakan tersebut. Perkara ini dikatakan sebagai faktor yang menyebabkannya berpindah daripada Baghdad terutama selepas kematian Nizām al-Mulk⁶².

Pandangan ini disokong oleh Dr. Adil Za'būb yang mensifatkan faktor perpindahan al-Imām al-Ghazālī ke Damsyik adalah politik di mana ia telah menjawat beberapa jawatan politik pada ketika itu⁶³. Pandangan ini bercanggah dengan faktor yang dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazālī dalam kitabnya *al-Munqid min al-Dalāl* bahawa tugasnya di Nizāmiyyah tidak meyakinkannya untuk mengharapkan akhirat⁶⁴.

Kesimpulannya, walaupun al-Imām al-Ghazālī berada di zaman kebangkitan aliran fahaman yang pelbagai dan hidup ketika kebangkitan fahaman Bāṭiniyyah, namun beliau tetap berpegang kepada fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan menjadi pengikut kepada Mazhab Shāfi'ī.

1.4. Sumbangan al-Imām al-Ghazālī

Al-Imām al-Ghazālī telah digelar sebagai '*Hujjat al-Islām*' memandangkan sumbangannya dalam membela serta mempertahankan Islam daripada serangan-serangan anasir yang membahayakan akidah umat Islam pada zaman tersebut.

Al-Imām al-Ghazālī juga telah berjaya menghasilkan karya-karya penulisan bermutu dan amat berguna untuk panduan umat Islam sepanjang zaman. Penulisan beliau banyak mempengaruhi corak penulisan dan telah dijadikan ide kepada penulis-penulis terkemuka seperti Maulana Rumi, Shaykh al-Ashraq, Ibn Rushd dan Shah Wali Allāh. Malah penyair-penyair Parsi seperti Attar, Rumi, Sa'adi, Hafz dan Iraqi turut mendapat ilham penulisan puisi daripada karya-karya yang dihasilkan oleh al-Imām al-Ghazālī.⁶⁵

Sementara itu, kitab terulung karangan al-Imām al-Ghazālī iaitu *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* telah menjadi bahan bacaan bukan sahaja orang-orang Islam, malah turut dijadikan bahan bacaan serta rujukan oleh penganut-penganut agama lain seperti penganut-penganut Kristian dan Yahudi⁶⁶.

Jelasnya, al-Imām al-Ghazālī telah memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam dan telah muncul sebagai seorang pemikir

Islam yang menyalang kepada persoalan yang berkaitan dengan sosial, budaya, politik, etika, metafizik dan sebagainya dalam ilmu pengetahuan Islam.

1.5. Kesimpulan

Berdasarkan kepada latarbelakang kehidupan al-Imām al-Ghazālī terutamanya dari sudut latarbelakang pendidikan, ia telah banyak membantu beliau untuk muncul sebagai salah seorang tokoh pemikir Islam yang unggul. Kesungguhan beliau mendalami pelbagai bidang dan cabang ilmu pengetahuan melalui ulama'-ulama' terkenal telah memantapkan pemikiran beliau untuk muncul sebagai pemikir Islam yang unggul pada ketika itu.

Satu aspek yang amat dikagumi ialah kemampuan al-Imām al-Ghazālī dalam bidang penulisan. Beliau telah menghasilkan banyak karya yang terkenal serta dijadikan bahan bacaan serta rujukan sehingga kini. Kebolehan beliau ini amat berharga untuk dijadikan khazanah ilmu pengetahuan Islam yang boleh diwarisi di sepanjang zaman.

Walaupun al-Imām al-Ghazālī berhadapan dengan situasi politik yang tidak stabil namun beliau tetap berpegang kepada fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dan telah berusaha mempertahankan fahaman

ini. Sebagai seorang yang mendokong kuat fahaman ini, beliau telah menggunakan keilmuan serta kedudukannya untuk berusaha menentang gerakan Baṭīniyyah yang berkembang pada ketika itu.

NOTA HUJUNG

1. Ibn Athīr. t.t. *al-Lubāb Fī Tahdhīb al-Ansāb*. Baghdad: Maktabah al-Muthannā. Jil. 2. m.s 379
2. `Adil Za`būb. t.t. *Minhāj al-Baḥth `Inda al-Ghazālī*. Cet. 1. Beirut: Muassasat al-Risālah. m.s 9
3. M. Ali Chasan Umar. 1982. *Bengkel Rohani Menurut al-Ghazālī*. Semarang: CV Toha Petra. Cet. 1. m.s. 5
4. Fath Allah Khalif. 1976. *Falasifat al-Islam : Ibn Sina, al-Ghazali, Fakhr al-Dīn al-Rāzi*. Kaherah: Dār al-Jamī'ah al-Miṣriyyah. m.s 207.
5. Sidik Hj. Baba. 1988. "Riwayat Hidup al-Imām al-Ghazālī. Kertas Kerja Seminar al-Imām al-Ghazālī dan Sumbangannya". Anjuran Akademi Islam Universiti Malaya dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, pada 23-25 September 1988. m.s 2
6. al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Ibn Aḥmad. *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn*. Jilid 1. Beirut: Dār al-Ma`rifah. m.s 25; Sidik Hj. Baba. 1988. *Op.clt.* m.s 2
7. W. Montgomery Watt. 1971. *Muslim Intellectual : A Study of al-Ghazālī*. Edinburgh: Édinburgh University Press. m.s 20

-
8. Sulaymān Dunya, 1965, *Ḥaqīqat Fī Naẓar al-Ghazālī*, Kaherah: Dār al-Fikr. m.s 22
 9. Muhammad Abul Quasem. 1975. *The Ethics Of al-Ghazālī : A Composite Ethics in Islam*. Petaling Jaya: Central Printing Sdn. Bhd. m.s 16.
 10. `Abd al-Karīm Othman, t.t., *Sīrat al-Ghazālī*, Damsyik: Dār al-Fikr. m.s 14; Husayn Amin. 1963. *Al-Ghazālī Faqīhan wa Failasufan wa Mutasawwifan*. Baghdad: Matba'at al-Irsyād. m.s 8; Muḥammad al-Ghazālī. 1980. *Ayyuha al-Walad al-Muḥib*. Tahqīq Abd Allāh Aḥmad Abū Sinnah. Cet. 2. Kaherah: Dār al-Shurūq. m.s 30
 11. Sidik Hj. Baba. *Op.cit.* m.s 3
 12. Husayn Amin. *Op.cit.* m.s 8
 13. Muḥammad Abul Quasem. *Op.cit.* m.s 16.
 14. W. Montgomery Watt. *Op.cit.* m.s 21
 15. Jamil Ahmad. 1967. *Hundred Great Muslim*. Lahore: Ferozoono. m.s 154.
 16. `Adil Za`būb. *Op.cit.* m.s 4
 17. W. Montgomery Watt: *Op.cit.* m.s 23

-
18. Zaki Mubarak. 1924. *Al-Akhlāq 'Inda al-Ghazālī*. Kaherah: Dār al-Sha'bi. m.s 57
 19. Sidik Hj. Baba. *Op.cit.* m.s 4
 20. Muhammad Abul Quasem. *Op.cit.* m.s 17.
 21. W. Montgomery Watt. *Op.cit.* m.s 21
 22. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. *Op.cit.* m.s 25
 23. W. Montgomery Watt. *Op.cit.* m.s 23
 24. Jamil Ahmad. *Op.cit.* m.s 154.
 25. 'Abd al-Karīm Othman, *Op.cit.* m.s 7
 26. Abdullah bin Nuh. 1984. *Pembebas Dari Kesesatan*. Terj. Cet. Ke 4. Jakarta: Tintamas. m.s 38
 27. 'Adil Za'būb. *Op.cit.* m.s 9
 28. Muḥammad Sayyid Na'im. 1959. *Al-Falsafah al-Islāmiyyah Wa Silātuhā bi al-Falsafah al-Yunāniyyah*. Kaherah: al-Azhar. m.s 277.
 29. Ibid
 30. Sidik Hj. Baba. *Op.cit.* m.s 6
 31. 'Adil Za'būb. *Op.cit.* m.s 1939.

-
32. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. 1991. *Adab Fī al-Dīn*. Terj. A.M Basalamah. Jakarta: Gema Insani Press. m.s 13.
33. Sulaymān Dunya. 1964. *Mīzān al-Amal Li al-Imām al-Ghazālī*. Cet. 1. Kaherah: Dār al-Ma`ārif. m.s 7; Lihat sama al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. 1982. *Timbangan Amal Menuju Kebahagiaan Akhirat*. Terj. M. Ali Chasan Umar dan al-Chumaidi Umar. Semarang: CV Toha. m.s 8
34. Ibid.
35. al-Zabīdī. 1311H. *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn*. Jil 1. Kaherah: Dār al-Ma`ārif. m.s 9
36. Ibid.
37. Maḥmūd Ḥamdī Zaqzuq. 1993. *Antara Falsafah Islam Dan Falsafah Meden Barat: Suatu perbandingan Antara al-Ghazālī dan Descartes*. Terj. Mohd. Sulaiman Yasin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. m.s 14.
38. Ibn Khaldūn, `Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad. 1957. *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Kaherah: Lujnat al-Bayān al-`Arabī. m.s 505.
39. Maḥmūd Ḥamdī Zaqzuq. Op. Cit. m.s 14
40. Ibid.

-
41. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. 1934. *Al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Damshik: Dār al-Fikr. m.s 83.
 42. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. 1961. *Maqāsid al-Falsafaat*. Sunt. Sulaymān Dunya (Dr.). Kaherah: al-Azhar. m.s 31.
 43. Maḥmūd Ḥamdī Zaquq. *Op.cit.* m.s 16
 44. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. 1961. *Mi'yār al-Ilm*. Sunt. Dr. Sulaimān Dunya. Kaherah: al-Azhar. m.s 59.
 45. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Aḥmad. 1959. *Al-Qistās al-Mustaqīm*. Sunt. Al-Ab. v. Chalht. Beirut: Dār al-Mashriq. m.s 42.
 46. Maḥmūd Ḥamdī Zaquq. *Op.cit.* m.s 17
 47. Ibid.
 48. Hava Lazarus-yafeh. 1975. *Studies in al-Ghazzālī*. Jerusalem: The Magnes Press, The Hebrew University. m.s 46.
 49. Maḥmūd Ḥamdī Zaquq. *Op.cit.* m.s 13.
 50. Hava Lazarus-yafeh. *Op.cit.* m.s 48.
 51. Ibid.
 52. Ibid.

-
53. Ahmad Zaki Haji Ibrahim, 1988, "Riwayat Hidup al-Imām al-Ghazālī", Kertas Kerja Seminar al-Imām al-Ghazālī dan Sumbangannya anjuran Akademi Islam Universiti Malaya dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, pada 23-25 September. m.s 10
54. Turki Saljūq ialah sekumpulan orang Turki yang dikenali sebagai al-Ghazza yang mendiami kawasan Tasik Khawarizam. Mereka dikenali sebagai Saljūq mengambil sempena pemimpin mereka Saljūq bin Daqaq. Lihat 'Abdul Mua'am Husain. 1959. *Salājikan al-Irāqī*, Kaherah: Dār al-Shurūq.
55. Ahmad Zaki Haji Ibrahim. *Op.cit.* m.s 13
56. Ibid
57. Ibid. 13
58. Ibid. m.s 15
59. al-Sharbasi, Ahmad, t.t., *al-Ghazālī Wa al-Tasauf al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Hilāl. m.s 69
60. Ahmad Zaki Haji Ibrahim. *Op.cit.* m.s 29
61. Ibid. m.s 29.
62. 'Abdul Karīm Othman, *Op.cit.* m.s 14
63. 'Adil Za'būb. *Op.cit.* m.s 16

64. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Aḥmad. 1934. *Op.cit.* m.s

126

65. Jamil Ahmad. *Op.cit.* m.s 161.

66. Ibid.